

Tamu Gadang kembali ke UMS

UM 19. 11. 2014 26

KOTA KINABALU 18 Nov. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi bakal menjadi tumpuan menerusi penganjuran Pesta Tamu Gadang yang bertempat di Padang Kawad kampus tersebut bermula hari ini sehingga Isnin depan.

Program yang diadakan sempena Majlis Konvokesyen UMS Ke-16 itu dijangka meriah berdasarkan penambahan gerai-gerai jualan, pameran dan gerai permainan yang dibuka sepanjang pesta berkenaan.

Penyelaras Tamu Gadang, Alan James berkata, program yang sering dinanti-nantikan masyarakat sekitar Kota Kinabalu itu turut mempelawa orang ramai untuk menyertai dalam beberapa pertandingan yang bakal menyemarakkan lagi acara pada kali ini.

“Antara pertandingan yang dianjurkan ialah cabaran orang kuat, sukan konvo, pameran kereta berhias, pertandingan sistem audio kereta serta pertandingan karaoke dan banyak lagi,” katanya di sini hari ini.

Turut menjadi pengisian menarik katanya, adalah pertandingan lagu-lagu tempatan pada Jumaat ini.

“Selain memeriahkan Tamu Gadang pada kali ini, pertandingan yang buat julung kalinya diperkenalkan itu adalah satu usaha universiti untuk sama-sama menyemarakkan industri muzik tempatan Sabah,” ujarinya.